



PELAKSANAAN PELAN HALATUJU PERALIHAN TENAGA FASA 1 MENYOKONG KOMITMEN NRECC DALAM MENCAPAI 70% TBB DALAM PEMBEKALAN ELEKTRIK

Kementerian Sumber Asli, Alam Sekitar dan Perubahan Iklim (NRECC) sebagai Kementerian yang bertanggungjawab terhadap perancangan dan kawal selia pembangunan bekalan elektrik serta dasar perubahan iklim negara menyambut baik pelaksanaan Pelan Hala Tuju Peralihan Tenaga atau *National Energy Transition Roadmap* (NETR) Fasa 1 yang akan direalisasikan melalui pelaksanaan 10 projek dan inisiatif *flagship*.

Projek dan inisiatif yang telah dikenalpasti untuk dilaksanakan sehingga tahun 2040 merangkumi 6 projek *flagship* yang dijangka akan menyokong hasrat NRECC untuk meningkatkan campuran kapasiti tenaga boleh baharu (TBB) dalam pembekalan elektrik kepada 70% serta mencapai hasrat aspirasi negara bagi pembebasan gas rumah hijau sifar bersih menjelang tahun 2050. Projek dan inisiatif *flagship* yang berkaitan adalah seperti berikut:

- a. **Inisiatif Kecekapan Tenaga** akan mengurangkan intensiti penggunaan tenaga serta jejak karbon daripada pengguna elektrik dan dilaksanakan menerusi pembentangan Rang Undang-Undang Kecekapan Tenaga serta pelaksanaan audit tenaga bagi sektor pengangkutan rel di bawah Geran Audit Tenaga Bersyarat 2.0;
- b. **Projek Zon Tenaga Boleh Baharu** dijangka akan meningkatkan kapasiti TBB dalam pembekalan elektrik dan dilaksanakan menerusi empat (4) kaedah iaitu pembangunan zon bersepadu berdasarkan konsep secara *self-reliance & self contained*, pembangunan taman solar di lima (5) lokasi di seluruh negara, pembangunan projek solar terapung di empangan hidroelektrik milik TNB dan pelaksanaan *solar leasing* di bumbung rumah kediaman;

- c. **Projek Penstoran Tenaga** dijangka akan meningkatkan keanjalan sistem grid nasional bagi membolehkan kemasukan kapasiti TBB yang lebih tinggi serta kendalian sistem penjanaan teragih yang lebih teratur. Projek ini akan dilaksanakan menerusi pembangunan sistem penstoran tenaga berskala utiliti;
- d. **Projek Hidrogen untuk Pembekalan Elektrik** dijangka akan dapat meneroka teknologi penjanaan elektrik rendah karbon alternatif dan dilaksanakan menerusi penerapan teknologi pembakaran bahan api campuran hidrogen dan amonia di loji-loji jana kuasa arang batu bagi mengurangkan pembebasan gas rumah hijau;
- e. **Inisiatif Pengwujudan Permintaan Biojisim** dijangka akan dapat meningkatkan kapasiti TBB daripada sumber biojisim dan dilaksanakan menerusi pembangunan loji jana kuasa berpusat di kluster biojisim; dan aplikasi teknologi pembakaran bahan api campuran biojisim di loji jana kuasa arang batu; dan
- f. **Inisiatif Mobiliti Masa Depan** dijangka akan dapat mengurangkan jejak karbon sektor pengangkutan dan dilaksanakan menerusi peningkatan pemasangan stesen pengecas kenderaan elektrik di sepanjang lebuh raya dan kawasan komersial yang dikenal pasti; pembangunan stesen pengisian semula hidrogen; elektrifikasi pengangkutan awam; dan pemasangan sistem solar bagi menjana elektrik untuk kegunaan keperluan *non-traction operation* pengoperasi sistem pengangkutan rel.

Pelaksanaan bagi projek serta inisiatif *flagship* yang telah dikenalpasti di bawah NETR ini akan diberikan tumpuan bagi merealisasikan pelaksanaannya dalam menyokong komitmen peralihan tenaga yang diterajui Kementerian ini.

Sehubungan itu, Kementerian ini akan memastikan kesemua projek serta inisiatif ini memberi manfaat yang optimum kepada negara dan rakyat. Ini adalah selaras dengan prinsip asas *trilemma* tenaga, iaitu menjamin daya harap sistem dan pembekalan elektrik kepada pengguna, menghasilkan tenaga yang mampan pada kos yang berpatutan dan mampu mengurangkan jejak karbon sistem bekalan elektrik negara

Selain itu, Kementerian juga akan memastikan supaya keupayaan infrastruktur grid nasional bagi pembekalan elektrik ditingkatkan selaras dengan komitmen peningkatan kapasiti TBB untuk menyokong pelaksanaan pelan halatuju peralihan tenaga ini.

NRECC yakin bahawa kejayaan pelaksanaan projek serta inisiatif *flagship* ini akan menyumbang kepada usaha peralihan tenaga yang adil dan saksama, disamping merencanakan pertumbuhan industri bekalan elektrik negara khususnya yang berteraskan TBB.

NIK NAZMI NIK AHMAD

MENTERI SUMBER ASLI, ALAM SEKITAR DAN PERUBAHAN IKLIM

30 JULAI 2023

Unit Komunikasi Korporat | Kementerian Sumber Asli, Alam Sekitar dan Perubahan Iklim (NRECC)
Tel. : 03-8000 8000 | Faks : 03-8889 4763



nreccmalaysia



nreccmalaysia



nreccmalaysia



nreccmalaysia